

# Mengenai Status Penduduk (Zairyu Shikaku) untuk penuntut asing di Jepun

\*Maklumat ini adalah maklumat yang dikeluarkan pada 19 hb. Oktober 2020.

- Orang yang akan menyambung pelajaran di sekolah-sekolah di Jepun.
- ◆ Anda boleh memperbaharui status penduduk "Penuntut (Ryugaku)".
  - Anda boleh memperbaharui statusnya walaupun anda pindah ke sekolah lain.
  - Anda boleh bekerja sambil sehingga tidak melebihi 28 jam seminggu dengan izin untuk "Aktiviti yang Luar Status (Shikakugai Katsudo)".
  - Orang yang bersekolah di sekolah bahasa Jepun boleh menyambung belajar di situ setelah 2 tahun atau lebih juga.  
(Pada masa itu, sila memperbaharui status "Penuntut" anda lagi sekali.)

- Orang yang telah tamat sekolah tetapi tidak dapat kembali ke negara sendiri.
- ◆ Anda boleh mengubah status penduduk ke "Aktiviti Tertentu (Tokutei Katsudo) (6 bulan)"
  - Orang yang ingin bekerja boleh bekerja sambil sehingga tidak melebihi 28 jam seminggu  
(Anda tidak perlu mempunyai izin untuk "Aktiviti yang Luar Status")
  - Orang yang tidak dapat kembali ke negara sendiri dan telah mengubah status penduduk dari "Penuntut" ke "Pelawat Sementara (Tanki Taizai) " atau "Aktiviti Tertentu (6 bulan, tidak boleh bekerja)" juga boleh mengubah lagi statusnya.
  - Keluarga penuntut asing dan keluarga penuntut asing bekas juga boleh mengubah status penduduk itu.
- ◆ Orang yang masih mempunyai status penduduk "Penuntut" dan mempunyai izin untuk "Aktiviti yang Luar Status" boleh bekerja sambil sehingga tidak melebihi 28 jam seminggu setelah tamat sekolah juga.



- Orang yang telah memutuskan untuk bekerja di Jepun setelah tamat sekolah

- ◆ Jika syarat-syaratnya dipenuhi, anda boleh mengubah status penduduk ke "Teknologi (Gizyutsu) / Kemanusiaan (Jinbunchisiki) / Perniagaan Antarabangsa (Kokusai Gyomu)" dan lain-lain.

- Orang yang ingin mencari pekerjaan di Jepun walaupun selepas tamat sekolah

(\*Hanya untuk orang yang telah tamat sekolah; universiti, kolej (koto senmon gakko), atau sekolah khusus (senshu gakko senmon katei) )

- ◆ Anda boleh menukar status penduduk anda ke "Aktiviti Tertentu" dan mencari pekerjaan selama satu tahun setelah tamat sekolah.

- Jika anda memperbaharui statusnya, anda boleh mencari pekerjaan di Jepun setelah 1 tahun atau lebih juga.

- Anda boleh bekerja sambil sehingga tidak melebihi 28 jam seminggu dengan izin untuk "Aktiviti yang Luar Status"

Tempat yang anda boleh bertanya dan berbincang tentang status penduduk dalam perbagai bahasa.

**Persatuan Pengantarabangsaan Serantau (Chiiki Kokusaika Kyokai)**

[http://www.clair.or.jp/j/multiculture/association/consultation\\_list.html](http://www.clair.or.jp/j/multiculture/association/consultation_list.html)

**Yorisoi Hotline**

<https://www.since2011.net/yorisoi/>



## Rujukan

“Pengendalian orang asing yang sukar untuk kembali ke negara sendiri”  
(pada 19 Oktober 2020, Agensi Perkhidmatan Imigresen Jepun)

<http://www.moj.go.jp/isa/content/930005847.pdf>

→Klik di sini untuk versi pelbagai bahasa

[http://www.moj.go.jp/isa/nyuukokukanri01\\_00155.html](http://www.moj.go.jp/isa/nyuukokukanri01_00155.html)

“Mengendalikan permohonan penduduk dari penduduk asing jangka sederhana hingga panjang dan bekas penduduk asing jangka sederhana hingga panjang yang mengalami kesukaran untuk kembali ke negara sendiri kerana pandemik covid-19”

(pada 19 Oktober 2020, Agensi Perkhidmatan Imigresen Jepun)

<http://www.moj.go.jp/content/001320105.pdf>

“Mengenai tindak balas kepada penuntut asing yang telah terdedah kepada pandemik covid-19”

(pada 19 Oktober 2020, Agensi Perkhidmatan Imigresen Jepun)

<http://www.moj.go.jp/content/001318472.pdf>

